

Negara Islam mesti bersatu: Mahathir

Daripada A Nazri Abdullah

TEHERAN; Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merayu negara-negara Islam mengetepikan perbezaan mereka, sebaliknya bekerjasama bagi melahirkan ummah yang berilmu pengetahuan, makmur dan kuat.

Menurut Perdana Menteri; umat Islam hanya akan dihormati dan boleh mempengaruhi perkembangan dunia jika mereka kuat dari segi ekonomi dan bersatu dari segi politik.

"Hanya umat Islam yang cekap dalam segala bidang ilmu dan kemahiran mampu mempertahankan agamanya dan membela umat Islam yang lain daripada ditindas,"

For: Trips
tegasnya.

Berucap di majlis makan malam yang diberikan oleh Presiden Republik Islam Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani di sini, malam tadi, Dr Mahathir berkata cabaran yang dihadapinya oleh umat Islam hari ini amatlah besar.

Umat Islam, kata Perdana Menteri, diusir dari negara mereka, ditindas, dinafikan hak asasi, malah diseksa dan dibunuh.

Menurutnya, itu semua berlaku kerana umat Islam sentiasa berpecah-belah oleh etnik, puak, ideologi dan perbezaan peribadi.

"Umat Islam hari ini lemah dari segi ekonomi

BM 4/4/93

dan politik sehingga mereka tidak mampu mempengaruhi perkembangan dunia. Perpecahan umat Islam digunakan oleh pihak lain untuk kepentingan mereka.

"Keadaan ini tidak boleh dibiarkan. Kita mesti kembali menghayati ajaran Islam, mengenai persaudaraan Islam dan tauhid.

"Saya merayu umat Islam mengetepikan perbezaan dan kembali kepada semangat persaudaraan tulen," katanya.

Bercakap sebagai seorang pemimpin Islam yang komited dengan pemangsaan ummah, Dr Mahathir berkata sejarah Islam membuktikan de-

ngan kepemimpinan yang berwibawa, bijaksana dan berpengetahuan, umat Islam boleh mencapai peradaban yang tinggi.

Sejajar dengan kayakinan itu, katanya, Malaysia melancarkan program yang pragmatik bagi meningkatkan pencapaian umat Islam tanpa mengetepikan aspek lain dalam kehidupan.

"Kami sentiasa mengingatkan rakyat kami supaya mengelak sikap melampau, sebaliknya menekankan aspek pragmatik dan tolak ansur.

"Kami akan berjuang membekalkan umat Islam dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan di dunia ini," katanya.